



SIARAN MEDIA

KPKT PROAKTIF MENYEDIAKAN 1,048 UNIT RUMAH BELIA MADANI (RBM) DI KUALA LUMPUR BAGI MEMENUHI KEPERLUAN GOLONGAN BELIA

PUTRAJAYA, 24 Februari 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini memeterai Perjanjian Pembangunan Rumah Transit Belia (Rumah Belia MADANI) bersama Syarikat BMG Global Sdn. Bhd bagi penyediaan 1,048 unit Rumah Belia MADANI (RBM) di Kuala Lumpur.

Perjanjian Pembangunan Rumah Transit Belia (Rumah Belia MADANI) ini ditandatangani oleh YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT dan Encik Sakeri bin Maming, Pengarah Eksekutif BMG Global Sdn Bhd. Majlis Menandatangani Perjanjian ini turut disaksikan oleh YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan.

Projek RBM ini akan dibangunkan secara *cross subsidy* oleh KPKT bersama-sama pemaju iaitu syarikat BMG Global Sdn. Bhd. yang akan membangunkan sebanyak 1,996 unit Rumah Mampu Milik (RMM) dengan tawaran harga RM300,000 kepada rakyat khususnya bagi kumpulan M40. Melalui keuntungan daripada hasil jualan ini, pemaju akan membina sebanyak 1,048 unit rumah RBM secara percuma iaitu pulangan timbal balik (*in-kind*) kepada Kerajaan iaitu 35% daripada keseluruhan unit rumah yang akan dibina.

Projek ini akan memberikan impak positif kepada Kerajaan melalui penyediaan sebanyak 3,044 unit rumah untuk rakyat yang akan dibangunkan di atas tanah Kerajaan berkeluasan 12.8 ekar di Kuala Lumpur. Keseluruhan kos pemajuan ini akan ditanggung oleh pihak pemaju.

Menurut YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, “Penjenamaan ‘Rumah Belia MADANI’ merupakan cetusan idea dalam menyokong konsep Malaysia MADANI yang menjadi tonggak dalam memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera. Kerajaan amat menyedari keperitan dan rintihan golongan muda terutamanya yang baru membina kehidupan di bandar-bandar besar seperti Kuala

Lumpur. Oleh itu, golongan yang layak menduduki RBM akan ditawarkan secara transit (sewaan) untuk suatu tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun dan boleh diperbaharui bergantung kepada kelayakan.”

Inisiatif ini akan memberi keutamaan kepada golongan belia yang berusia di bawah 35 tahun yang baru memulakan kerjaya dengan pendapatan yang minimal. KP KT berharap agar inisiatif ini dapat membantu meringankan beban kewangan bagi tempoh tertentu yang dirasakan cukup oleh kerajaan sebelum individu berkenaan mampu memiliki kediaman sendiri.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta agensi Kerajaan lain yang telah terlibat dalam menjayakan cadangan pembangunan ini.

KP KT sentiasa peka dengan isu penyediaan rumah mampu milik terutama dalam kalangan golongan muda kerana agenda pemilikan rumah merupakan antara fokus utama kementerian dalam memastikan kesejahteraan rakyat. Ini seiring dengan peranan KP KT dalam memastikan perancangan perumahan yang lebih komprehensif dan berdaya saing yang menjadi salah satu daripada tujuh (7) fokus utama yang telah digariskan oleh KP KT.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Azhar bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti), Dato' N. Jayaselan, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara dan barisan pengurusan tertinggi kementerian dan agensi di bawah KP KT.

#PasukanKP KT #StrongerTogether #UnityInDiversity #DemiPertiwi

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KP KT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KP KT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 55551 Faks : 03-8891 55571 E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

